



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

22 Rabiulakhir 1442 / 08 Disember 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 22 Rabiulakhir 1442H bersamaan dengan 08 Disember 2020, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 152 orang.**
 - Kes 152 ialah seorang lelaki berumur 39 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari Kuala Lumpur, Malaysia pada 27 November 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI874. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini telah mendapati enam (6) orang kontak terdekat bagi kes ini di

mana ujian awal menunjukkan kesemua mereka adalah negatif bagi COVID-19.

2. Dengan pengesanan kes ini, terdapat **dua kes aktif** sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan manakala jumlah kes yang telah disahkan sembuh ialah sebanyak **147 orang**.
3. Setakat ini, sebanyak **11 kes import** telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan **216 hari** tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
4. Pada hari ini, seramai **613** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **9,041** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **101** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **78,564** ujian.

6. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian. Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggai 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang

perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari masa ke masa.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Rabiulakhir 1442H / 08 Disember 2020